



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**HUBUNGAN SOSIAL, SOKONGAN, DAN  
KESEJAHTERAAN WARGA TUA: SATU KAJIAN  
DI PEDESAAN KELANTAN**

**WAN IBRAHIM BIN WAN AHMAD**

**FEM 1999 4**

**HUBUNGAN SOSIAL, SOKONGAN, DAN  
KESEJAHTERAAN WARGA TUA : SATU KAJIAN  
DI PEDESAAN KELANTAN**

**OLEH**

**WAN IBRAHIM BIN WAN AHMAD**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Untuk  
Memperolehi Ijazah Doktor Falsafah Di Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia**

**Mei 1999**



*Didedikasikan hasil kajian ini  
untuk yang disayangi:  
ayahanda Wan Ahmad dan adinda Wan Salleh  
yang tidak sempat menyaksikan kejayaan ini*

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Syukur ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan limpah dan kurnia-Nya tesis ini telah dapat disiapkan.

Penulisan tesis ini disertai dengan sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Oleh yang demikian penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memungkinkan tesis ini dapat disiapkan. Penghargaan dan terima kasih ingin disampaikan pertama, kepada Dr. Ma'rof bin Redzuan, pengerusi jawatankuasa penyeliaan, Dr. Zahid bin Emby, dan Prof. Madya Dr. Abdul Halin bin Hamid, ahli jawatankuasa penyeliaan, serta Prof. Dr. Nazaruddin Mohd. Jali, bekas pengerusi jawatankuasa penyeliaan, kerana telah banyak memberikan idea dan membantu proses penulisan sejak awal tesis ini ditulis. Tanpa bimbingan, penyeliaan dan nasihat mereka, penulisan tesis ini tidak mungkin dapat disiapkan. Oleh itu kepada mereka, penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih yang tiada akhirnya.

Kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di atas kemudahan cuti belajar dan segala perbelanjaan yang telah diberikan sehingga memungkinkan kajian untuk penulisan tesis Ph.D ini dapat dijalankan dengan mudah, serta kepada Universiti Putra Malaysia (UPM), yang memberikan kemudahan untuk meneruskan program penulisan tesis, juga dirakamkan ucapan terima kasih.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada mereka yang telah membantu penulis ketika menjalankan kerja lapangan di Mukim Pengkalan, Gong Chapa,

Wakaf Bunut, Alor Pasir, Tok Adam, serta di Mukim Bandar. Kepada penduduk di mukim tersebut yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam proses pengumpulan data, juga diucapkan berbilang terima kasih. YM Dr. Tengku Aizan Tengku Abd. Hamid, Prof. Madya Dr. Jariah Hj. Masud, Prof. Madya Dr. Jayum A. Jawan, En. Mohd. Bohari Ahmad, Dr. Bahaman Abu Samah, Prof. Madya Dr. Turiman Suandi, serta Dr. Laily Hj. Paim yang telah turut membantu dalam memantapkan lagi pengetahuan penulis, sehingga telah melancarkan proses penulisan tesis ini kemudiannya, juga dirakamkan ucapan terima kasih.

Termasuk juga dalam senarai penghargaan ini ialah, semua ahli keluarga di Kuala Besut, Terengganu, dan juga di Air Hitam, Kedah; terutama Mak, Mama dan Baba, yang sentiasa mendoakan kejayaan untuk penulis. Semangat, dorongan dan kesabaran mereka semua, sentiasa menjadi sumber kekuatan dan pendorong utama kepada penulis untuk menyelesaikan penulisan tesis ini secepat yang mungkin. Senarai penghargaan ini juga tidak akan lengkap tanpa penghargaan kepada dua individu istimewa dalam hidup penulis; Zainab bt. Ismail dan Wan Ahmad Syafiee. Penulisan tesis ini telah menggunakan banyak masa yang sepatutnya digunakan untuk mereka berdua. Mereka berdua selalu terpaksa berperang dengan timbunan buku dan bertegang mata membantu kerja-kerja penulis yang belum selesai. Kepada mereka, serta kepada Wan Ahmad Bukharie, yang lahir ketika tesis ini sudahpun selesai sepenuhnya, penulis rakamkan ucapan terima kasih.

Akhirnya kepada semua pihak yang turut terlibat dalam menjayakan penulisan tesis ini, baik secara langsung atau tidak, juga dirakamkan ucapan terima kasih.

## SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	iii
SENARAI JADUAL .....	x
SENARAI RAJAH .....	xvi
ABSTRAK .....	xviii
ABSTRACT .....	xx

### KANDUNGAN

I: PENDAHULUAN .....	1
Latar Belakang .....	1
Penuaan Penduduk di Dunia.....	2
Penuaan Penduduk di Malaysia .....	6
Penuaan Penduduk Desa di Malaysia .....	10
Pernyataan Masalah .....	13
Objektif Kajian .....	20
Persoalan Kajian .....	20
Kerangka Teori.....	22
Kerangka Konseptual .....	28
Kepentingan Kajian .....	31
Struktur Penulisan Tesis .....	33
II: SOROTAN LITERATUR .....	34
Pengenalan .....	34
Warga Tua: Konsep dan Definisi .....	35
Kajian Warga Tua Di Malaysia.....	38
Hubungan Sosial Warga Tua .....	42
Definisi Hubungan Sosial .....	42
Hubungan Warga Tua-Ahli Keluarga .....	43
Hubungan Warga Tua- Kawan dan Jiran Tetangga ..	45
Sokongan Sosial Ke Atas Warga Tua .....	47
Definisi Sokongan Sosial .....	47
Pendekatan Kajian.....	51
Sokongan Keluarga.....	53
Sokongan Kawan dan Jiran Tetangga .....	58
Kesejahteraan Warga Tua .....	59
Definisi Kesejahteraan .....	59
Pendekatan Kajian.....	62
Kaitan Antara Kesejahteraan Sebenar Dengan Kesejahteraan Tanggapan .....	66

Variabel Berkaitan Dengan Kesejahteraan .....	68
Umur dan Jantina .....	69
Status Perkahwinan .....	71
Pendidikan .....	72
Pekerjaan .....	73
Jumlah Anak .....	74
Hubungan Warga Tua-Ahli Keluarga .....	76
Hubungan Warga Tua-Kawan dan Jiran Tetangga ...	78
Sokongan Keluarga .....	79
Sokongan Kawan dan Jiran Tetangga .....	83
Rumusan .....	84
III: METODOLOGI KAJIAN .....	85
Pengenalan .....	85
Pemilihan Kawasan Kajian.....	85
Pemilihan Responden .....	87
Kategori Data dan Soal Selidik .....	90
Kategori Data .....	90
Soal Selidik .....	91
Pengumpulan Data .....	93
Temu Bual Berstruktur .....	94
Temu Bual Tidak Berstruktur .....	96
Pemerhatian Ikut Serta .....	97
Penganalisan Data .....	98
Statistik Deskriptif .....	99
Analisis Korelasi .....	99
Regresi Berganda .....	100
Variabel Dalam Model Regresi .....	103
Kesejahteraan.....	103
Kesejahteraan Sebenar (SEJAHB).....	103
Kesejahteraan Tanggapan (SEJAHT).....	105
Umur (UMUR).....	106
Jantina (JANTI).....	107
Status Perkahwinan (SKHWIN).....	107
Tempoh Perkahwinan (TKHWIN).....	108
Jumlah Anak (JUANAK).....	109
Tahap Pendidikan (TPENDI).....	109
Status Pekerjaan (PKERJA).....	110
Kualiti Perumahan (KRUMAH).....	111
Hubungan Sosial .....	112
Sokongan Sosial.....	113
Rumusan .....	115

IV:	LATAR BELAKANG KAWASAN, PENDUDUK DAN RESPONDEN KAJIAN.....	117
	Pengenalan .....	117
	Latar Belakang Kawasan .....	117
	Latar Belakang Penduduk .....	120
	Jumlah dan Taburan .....	120
	Umur dan Jantina .....	121
	Ethnik dan Agama .....	124
	Taraf Perkahwinan .....	125
	Saiz Isirumah .....	128
	Pencapaian Pendidikan .....	129
	Aktiviti Ekonomi .....	129
	Kemudahan Asas.....	133
	Latar Belakang Responden .....	134
	Umur dan Jantina .....	134
	Status Perkahwinan.....	136
	Umur Perkahwinan .....	140
	Tempoh Perkahwinan .....	142
	Keanggotaan Isirumah .....	143
	Tempat Asal .....	147
	Tahap Pendidikan .....	148
	Status Pekerjaan .....	149
	Jenis dan Saiz Rumah .....	153
	Rumusan .....	154
V:	HUBUNGAN SOSIAL WARGA TUA .....	157
	Pengenalan .....	157
	Hubungan Dengan Pasangan .....	158
	Bentuk Hubungan .....	158
	Kualiti Hubungan .....	163
	Hubungan Dengan Anak Dewasa .....	171
	Bentuk dan Ke kerap an .....	172
	Kualiti Hubungan .....	181
	Hubungan Dengan Sanak Saudara .....	190
	Bentuk dan Ke kerap an .....	190
	Kualiti Hubungan .....	196
	Hubungan Dengan Jiran Tetangga .....	204
	Jumlah Rumah Jiran .....	204
	Bentuk dan Ke kerap an .....	206
	Kualiti Hubungan .....	214
	Rumusan .....	221



VI:	SOKONGAN SOSIAL KE ATAS WARGA TUA.....	223
	Pengenalan .....	223
	Sokongan Instrumental .....	224
	Taburan Sokongan .....	224
	Kekerapan Sokongan .....	227
	Sumber Sokongan .....	229
	Kepuasan Sokongan .....	236
	Sokongan Informasi.....	239
	Taburan Sokongan .....	239
	Kekerapan Sokongan .....	242
	Sumber Sokongan .....	243
	Kepuasan Sokongan .....	247
	Sokongan Emosi .....	249
	Taburan Sokongan .....	249
	Kekerapan Sokongan .....	250
	Sumber Sokongan .....	252
	Kepuasan Sokongan .....	255
	Sokongan Agama.....	257
	Taburan Sokongan .....	257
	Kekerapan Sokongan .....	260
	Sumber Sokongan .....	265
	Kepuasan Sokongan .....	268
	Rumusan .....	271
VII:	KESEJAHTERAAN WARGA TUA DESA.....	273
	Pengenalan .....	273
	Kesejahteraan Sebenar Warga Tua .....	273
	Kesejahteraan Sebenar Secara Umum .....	284
	Kesejahteraan Sebenar Mengikut Mukim.....	285
	Kesejahteraan Sebenar Mengikut	
	Latar Belakang.....	287
	Kesejahteraan Tanggapan Warga Tua .....	289
	Kesejahteraan Tanggapan Secara Umum .....	295
	Kesejahteraan Tanggapan Mengikut Mukim.....	296
	Kesejahteraan Tanggapan Mengikut Ciri	
	Latar Belakang.....	298
	Perkaitan Antara Kesejahteraan Sebenar	
	Dengan Kesejahteraan Tanggapan.....	300
	Rumusan .....	306
VIII:	VARIABEL BERKAITAN DENGAN KESEJAHTERAAN	
	WARGA TUA DESA .....	307
	Pengenalan .....	307

Perkaitan Antara Ciri Latar Belakang, Hubungan Sosial Dan Sokongan Dengan Kesejahteraan Sebenar Warga Tua.....	307
Perkaitan Antara Ciri Latar Belakang, Hubungan Sosial Dan Sokongan Dengan Kesejahteraan Tanggapan Warga Tua.....	309
Analisis Regresi Di Antara Pelbagai Variabel Bebas Dengan Kesejahteraan Sebenar Warga Tua .....	311
Analisis Regresi Di Antara Pelbagai Variabel Bebas Dengan Kesejahteraan Tanggapan Warga Tua .....	313
Perbincangan Variabel Berkaitan Dengan Kesejahteraan Sebenar Dan Kesejahteraan Tanggapan Warga Tua.....	315
Jantina .....	315
Umur .....	317
Pendidikan .....	319
Pekerjaan .....	320
Status Perkahwinan .....	322
Tempoh Perkahwinan .....	326
Jumlah Anak .....	327
Kualiti Perumahan .....	332
Hubungan Sosial .....	336
Sokongan Sosial .....	341
Rumusan .....	344
IX: RINGKASAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN.....	346
Pengenalan .....	346
Ringkasan Hasil Kajian .....	347
Latar Belakang Responden .....	347
Hubungan Sosial .....	348
Sokongan Sosial .....	349
Kesejahteraan Sebenar .....	349
Kesejahteraan Tanggapan.....	350
Kaitan Antara Kesejahteraan Sebenar Dengan Kesejahteraan Tanggapan.....	351
Variabel Berkaitan Dengan Kesejahteraan Sebenar dan Kesejahteraan Tanggapan.....	351
Rumusan Kajian .....	353
Implikasi Hasil Kajian .....	354
Cadangan.....	359
Cadangan Kajian Akan Datang.....	363
BIBLIOGRAFI .....	366
LAMPIRAN .....	388
LATAR DIRI .....	402

## SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
Jadual 1: Taburan Peratusan Penduduk Berumur 65 Tahun dan Lebih Di Dunia Tahun 1950-2050.....	3
Jadual 2: Taburan dan Peratusan Penduduk Berumur 60 Tahun dan Lebih Di Malaysia Tahun 1970 - 2020.....	7
Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Mukim Di Daerah Limbongan.....	88
Jadual 4: Pembahagian Mukim dan Keluasannya Di Daerah Limbongan.....	120
Jadual 5: Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur dan Jantina Di Daerah Limbongan, 1991.....	122
Jadual 6: Taburan Penduduk Mengikut Taraf Perkahwinan Di Daerah Limbongan .....	125
Jadual 7: Taburan Penduduk Mengikut Kohort Umur dan Jantina Serta Status Perkahwinan Di Daerah Limbongan.....	126
Jadual 8: Taburan Penduduk Mengikut Saiz Isirumah Di Daerah Limbongan.....	128
Jadual 9: Taburan Penduduk Mengikut Taraf Pendidikan Di Daerah Limbongan.....	129
Jadual 10: Taburan Penduduk Mengikut Jenis Pekerjaan Di Daerah Limbongan.....	131
Jadual 11: Taburan Responden Mengikut Umur dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	135
Jadual 12: Taburan Responden Mengikut Status Perkahwinan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	136
Jadual 13: Taburan Responden Mengikut Ke kerap an Perkahwinan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	139
Jadual 14: Taburan Responden Mengikut Umur Perkahwinan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	140

Jadual 15: Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkahwinan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	143
Jadual 16: Taburan Responden Mengikut Jumlah Isirumah dan Mukim Di Daerah Limbongan.....	144
Jadual 17: Taburan Responden Mengikut Jenis Keanggotaan Isirumah Di Daerah Limbongan.....	145
Jadual 18: Taburan Responden Mengikut Jumlah Anak dan Mukim Di Daerah Limbongan.....	147
Jadual 19: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	148
Jadual 20: Taburan Responden Mengikut Mukim dan Status Pekerjaan Di Daerah Limbongan.....	150
Jadual 21: Taburan Responden Mengikut Sebab-Sebab Tidak Berkerja dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	152
Jadual 22: Taburan Peratusan Responden Mengikut Ciri-Ciri Rumah dan Mukim Di Daerah Limbongan.....	154
Jadual 23: Taburan Responden Mengikut Pembahagian Tugas Suami isteri Di Daerah Limbongan .....	159
Jadual 24: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Keharmonian Hubungan Dengan Pasangan Di Daerah Limbongan.....	164
Jadual 25: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Intimasi Dengan Pasangan Di Daerah Limbongan .....	166
Jadual 26: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Keakraban Dengan Pasangan Di Daerah Limbongan .....	167
Jadual 27: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Persefahaman Dengan Pasangan Di Daerah Limbongan .....	169
Jadual 28: Taburan Peratusan Responden Mengikut Ke kerap an Penziarahan Oleh Anak Bujang Dan Anak Berkahwin.....	176
Jadual 29: Taburan Peratusan Responden Mengikut	

Tanggapan Keharmonian Hubungan Dengan Anak Dewasa Di Daerah Limbongan .....	182
Jadual 30: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Intimasi Dengan Anak Dewasa Di Daerah Limbongan .....	185
Jadual 31: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Keakraban Dengan Anak Dewasa Di Daerah Limbongan .....	187
Jadual 32: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Persefahaman Dengan Anak Dewasa Di Daerah Limbongan .....	189
Jadual 33: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Penziarahan Oleh Sanak Saudara Di Daerah Limbongan.....	192
Jadual 34: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Keharmonian Hubungan Dengan Sanak Saudara Di Daerah Limbongan .....	197
Jadual 35: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Intimasi Dengan Sanak Saudara Di Daerah Limbongan .....	199
Jadual 36: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Keakraban Dengan Sanak Saudara Di Daerah Limbongan .....	201
Jadual 37: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Persefahaman Dengan Sanak Saudara Di Daerah Limbongan .....	203
Jadual 38: Taburan Jumlah Rumah Jiran Responden Di Daerah Limbongan.....	205
Jadual 39: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Keharmonian Hubungan Dengan Jiran Tetangga Di Daerah Limbongan .....	216
Jadual 40: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Intimasi Dengan Jiran Tetangga Di Daerah Limbongan .....	218
Jadual 41: Taburan Peratusan Responden Mengikut	

Tanggapan Keakraban Dengan Jiran Tetangga Di Daerah Limbongan .....	220
Jadual 42: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tanggapan Persefahaman Dengan Jiran Tetangga Di Daerah Limbongan .....	221
Jadual 43: Taburan Responden Mengikut Penerimaan Sokongan Instrumental Di Daerah Limbongan.....	226
Jadual 44: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Penerimaan Sokongan Instrumental Di Daerah Limbongan.....	227
Jadual 45: Taburan Peratusan Responden Mengikut Sumber Penerimaan Sokongan Instrumental Di Daerah Limbongan.....	230
Jadual 46: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kepuasan Penerimaan Sokongan Instrumental Di Daerah Limbongan.....	236
Jadual 47: Taburan Responden Mengikut Penerimaan Sokongan Informasi Di Daerah Limbongan.....	241
Jadual 48: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Penerimaan Sokongan Informasi Di Daerah Limbongan.....	243
Jadual 49: Taburan Peratusan Responden Mengikut Sumber Penerimaan Sokongan Informasi Di Daerah Limbongan.....	244
Jadual 50: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kepuasan Penerimaan Sokongan Informasi Di Daerah Limbongan.....	248
Jadual 51: Sokongan Emosi Di Daerah Limbongan.....	250
Jadual 52: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Penerimaan Sokongan Emosi Di Daerah Limbongan .....	251
Jadual 53: Taburan Peratusan Responden Mengikut Sumber Penerimaan Sokongan Emosi Di Daerah Limbongan.....	253

Jadual 54: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kepuasan Penerimaan Sokongan Emosi Di Daerah Limbongan.....	256
Jadual 55: Taburan Responden Mengikut Penerimaan Sokongan Agama Di Daerah Limbongan.....	259
Jadual 56: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Penerimaan Sokongan Agama Di Daerah Limbongan.....	260
Jadual 57: Taburan Peratusan Responden Mengikut Sumber Penerimaan Sokongan Agama Di Daerah Limbongan.....	266
Jadual 58: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kepuasan Penerimaan Sokongan Agama Di Daerah Limbongan.....	269
Jadual 59: Taburan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Bulanan Di Daerah Limbongan.....	274
Jadual 60: Taburan Responden Mengikut Sumber Pendapatan dan Kekerapan Sumbangan Anak Di Daerah Limbongan.....	276
Jadual 61: Taburan Peratusan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Dibelanjakan Di Daerah Limbongan.....	278
Jadual 62: Taburan Peratusan Responden Mengikut Pemilikan Isirumah dan Mukim Di Daerah Limbongan.....	281
Jadual 63: Taburan Responden Mengikut Kekerapan Berjumpa Doktor dan Penyakit Di Daerah Limbongan.....	283
Jadual 64: Taburan Responden Mengikut Tahap Kesejahteraan Sebenar Secara Umum Di Daerah Limbongan.....	284
Jadual 65: Taburan Peratusan Responden Mengikut Mukim Dan Tahap Kesejahteraan Sebenar Di Daerah Limbongan.....	286
Jadual 66: Taburan Peratusan Responden Mengikut Ciri Latar Belakang dan Tahap Kesejahteraan Sebenar .....	288
Jadual 67: Taburan Responden Mengikut Persepsi Mengenai Kecukupan Pendapatan Di Daerah Limbongan.....	290

Jadual 68: Taburan Responden Mengikut Persepsi Mengenai Tahap Penyakit Dan Perbandingannya Dengan Sebelum Ini dan Rakan Sebaya Di Daerah Limbongan.....	294
Jadual 69: Taburan Responden Mengikut Tahap Kesejahteraan Tanggapan Secara Umum Di Daerah Limbongan.....	295
Jadual 70: Taburan Peratusan Responden Mengikut Mukim Dan Kesejahteraan Tanggapan Di Daerah Limbongan.....	297
Jadual 71: Taburan Peratusan Responden Mengikut Ciri Latar Belakang dan Tahap Kesejahteraan Tanggapan.....	299
Jadual 72: Hubungan Antara Indikator Kesejahteraan Sebenar Dengan Indikator Kesejahteraan Tanggapan Responden.....	305
Jadual 73: Analisis Korelasi Menunjukkan Perkaitan Antara Pelbagai Variabel Dengan Kesejahteraan Sebenar Responden.....	308
Jadual 74: Analisis Korelasi Menunjukkan Perkaitan Antara Pelbagai Variabel Dengan Kesejahteraan Tanggapan Responden.....	310
Jadual 75: Analisis Regresi Menunjukkan Pengaruh Pelbagai Variabel Bebas Ke Atas Kesejahteraan Sebenar Responden.....	313
Jadual 76: Analisis Regresi Menunjukkan Pengaruh Pelbagai Variabel Bebas Ke Atas Kesejahteraan Tanggapan Responden.....	314



## SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
Rajah 1: Perkaitan Antara Ciri Latar Belakang, Hubungan Sosial dan Sokongan Dengan Kesejahteraan Warga Tua .....	30
Rajah 2: Peta Negeri Kelantan Menunjukkan Pembahagian Jajahan.....	118
Rajah 3: Peta Jajahan Pasir Puteh Menunjukkan Kawasan Kajian .....	119
Rajah 4: Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Umur dan Jantina Di Daerah Limbongan, 1991 .....	123
Rajah 5: Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Taraf Perkahwinan Di Daerah Limbongan.....	127
Rajah 6: Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Kohort Umur dan Jantina Serta Status Perkahwinan Di Daerah Limbongan.....	127
Rajah 7. Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Saiz Isirumah Di Daerah Limbongan.....	130
Rajah 8: Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Taraf Pendidikan Di Daerah Limbongan.....	130
Rajah 9: Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Taraf Pendidikan Di Kawasan Kajian, Jajahan Pasir Puteh Negeri Kelantan dan Malaysia .....	132
Rajah 10: Taburan Peratusan Penduduk Mengikut Jenis Pekerjaan Di Daerah Limbongan .....	132
Rajah 11: Taburan Peratusan Responden Mengikut Umur Dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	137
Rajah 12: Taburan Peratusan Responden Mengikut Status Perkahwinan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	137
Rajah 13: Taburan Peratusan Responden Mengikut Kekerapan Perkahwinan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	141
Rajah 14: Taburan Peratusan Responden Mengikut Umur Perkahwinan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	141

Rajah 15: Taburan Peratusan Responden Mengikut Tahap Pendidikan dan Jantina Di Daerah Limbongan.....	151
Rajah 16: Taburan Peratusan Responden Mengikut Mukim dan Status Pekerjaan Di Daerah Limbongan.....	151
Rajah 17: Taburan Peratusan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan Bulanan Di Daerah Limbongan.....	277
Rajah 18: Taburan Peratusan Responden Mengikut Sumber Pendapatan Di Daerah Limbongan.....	277

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia bagi memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan ijazah Doktor Falsafah.

**HUBUNGAN SOSIAL, SOKONGAN, DAN  
KESEJAHTERAAN WARGA TUA: SATU KAJIAN  
DI PEDESAAN KELANTAN**

Oleh

**WAN IBRAHIM BIN WAN AHMAD**

**Mei, 1999**

**Pengerusi : Dr. Ma'rof bin Redzuan**

**Fakulti : Ekologi Manusia.**

Hubungan sosial dan sokongan yang mencukupi adalah cukup penting untuk kesejahteraan warga tua. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk memperihal hubungan dan sokongan sosial daripada ahli keluarga dan jiran tetangga kepada warga tua. Kajian ini, yang dilakukan di Daerah Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan juga bertujuan untuk menentukan perkaitan di antara ciri latar belakang terpilih warga tua, hubungan sosial warga tua dengan keluarga, dan jiran tetangga, serta sokongan sosial daripada keluarga dan jiran tetangga, dengan kesejahteraan sebenar dan kesejahteraan tanggapan warga tua desa.

Seramai 214 orang warga tua daripada 1,067 buah keluarga yang mempunyai isirumah berumur 60 tahun dan ke atas di Daerah Limbongan, telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan dianalisis dengan menggunakan teknik korelasi *product-moment* dan teknik regresi linear berganda.

Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden tidak pernah mendapat pendidikan formal. Walaupun mereka sudah mencapai umur lanjut, mereka terpaksa terus bekerja untuk menyara kehidupan. Bagi warga tua yang masih bekerja, kebanyakan mereka terlibat dalam kegiatan pertanian tradisional. Analisis ke atas hubungan sosial mendapati kehidupan warga tua tidak tersisih ataupun terbiar daripada ahli keluarga dan jiran tetangga. Kebanyakan warga tua menanggapi bahawa keluarga, khususnya pasangan dan anak-anak, serta jiran tetangga adalah sumber terpenting sokongan sosial kepada mereka.

Analisis juga menunjukkan tahap kesejahteraan sebenar bagi kebanyakan warga tua adalah agak rendah. Walaupun tahap kesejahteraan sebenar warga tua rendah tetapi tahap kesejahteraan tanggapan mereka adalah sederhana tinggi. Kualiti perumahan, jumlah anak, pendidikan dan status pekerjaan, didapati mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan sebenar warga tua. Sebaliknya kualiti perumahan, hubungan sosial dengan jiran tetangga, pendidikan, status pekerjaan dan hubungan sosial dengan pasangan pula mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kesejahteraan tanggapan mereka.

Oleh yang demikian, secara keseluruhannya kajian mendapati pendidikan, pekerjaan, anak-anak, keadaan rumah yang sesuai, adanya hubungan sosial, terutama dengan pasangan dan jiran tetangga, dilihat sebagai faktor penyumbang terpenting kepada kesejahteraan warga tua desa di kawasan kajian.

Abstract of thesis submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**SOCIAL RELATIONSHIPS, SUPPORTS, AND  
WELL-BEING OF THE ELDERLY: A STUDY  
IN RURAL KELANTAN**

By

**WAN IBRAHIM BIN WAN AHMAD**

**May, 1999**

**Chairman: Dr. Ma'rof bin Redzuan**

**Faculty: Human Ecology.**

The existence of social relationships and sufficient social supports are extremely important for the maintenance of the well-being of the elderly. Therefore the objective of this study is to describe the social relationships and social supports for the elderly from family members and their neighbours. The study, which was conducted in the District of Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan, also sought to determine the relationships between the selected background characteristics of the elderly, the social relationships with their family and neighbours, and social supports from their family and neighbours, with the level of actual and perceived well-being of the rural elderly.

A total of 214 elderly from 1,067 families with family members aged 60 and above in Limbongan District, were chosen by using the simple random sampling. Data were collected by using structured questionnaires and were analysed using the product-moment correlation and the multiple linear regression techniques.

The findings reveal that, a majority of the elderly did not received any form of formal education. Although they were very old, they still have to work to earn their lives. For those who were still working, they were involved in the traditional agricultural activities. An analysis on social relationships indicated that the elderly were not segregated from other family or their neighbours. Most of the elderly perceived that family members, particularly spouse and children, and neighbours were the most important sources of social supports to them.

The study also shows that the actual well-being for the majority of the elderly was quite low. Although their actual well-being was low, their perceived well-being was moderately high. The quality of housing, number of children, education and employment status, were found to have significant influence on the actual well-being. On the other hand, the quality of housing, social relationships with neighbours, education, employment status and social relationships with spouse, were found to have significant influence on the perceived well-being.

This study as a whole, concludes that education, employment, children, suitable housing conditions, and the existence of social relationships, particularly with spouse and neighbours, were seen as the most important factors for the maintenance of the well-being of the rural elderly in the study area.

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang**

Matlamat utama kajian ini ialah untuk memperihalkan hubungan sosial warga tua dengan ahli keluarga dan jiran tetangga mereka, sokongan sosial yang diberikan oleh ahli keluarga dan jiran tetangga, mengenalpasti tahap kesejahteraan sebenar dan tahap kesejahteraan tanggapan warga tua di Daerah Limbongan, Pasir Puteh, Kelantan, serta cuba menentukan faktor-faktor yang berpengaruh ke atas tahap kesejahteraan mereka. Sebelum membincangkan aspek-aspek tersebut dalam bab-bab seterusnya, dalam bab ini dibincangkan latar belakang penuaan penduduk yang terjadi di peringkat dunia secara umum untuk mendapat gambaran yang jelas tentang senario penuaan penduduk yang terjadi di Malaysia. Penuaan penduduk yang terjadi di Malaysia, khususnya penuaan penduduk yang terjadi di kawasan desa serta permasalahan yang berkaitan dengan sokongan kepada golongan ini dibincangkan secara mendalam dalam bab ini. Secara khusus dalam Bab I ini dibincangkan aspek latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kerangka teori, kerangka konseptual yang digunakan untuk menganalisis hasil kajian serta kepentingan kajian.

## **Penuaan Penduduk Dunia**

Dunia sekarang ini sedang mengalami penambahan penduduk tua yang pesat. Ia dijangka bertambah sebanyak tiga kali ganda, iaitu daripada 259 juta dalam tahun 1980 kepada 761 juta dalam tahun 2025. Berdasarkan jangkaan ini, dalam tahun 2025, dalam setiap tujuh orang penduduk dunia, terdapat seorang warga tua yang berumur 65 tahun dan lebih (Myers, 1985). Sebelum abad ke-20, tidak ramai penduduk mana-mana masyarakat yang mencapai umur tua. Ketika jangkaan hayat penduduk masih rendah, bilangan penduduk tua adalah sedikit (Usman, 1989). Dengan adanya kemajuan dalam bidang perubatan, serta pembaikan ke atas aspek pemakanan dan kesihatan masyarakat, jangkaan hayat penduduk mengalami peningkatan, dan jangkaan hayat penduduk hari ini jauh lebih tinggi berbanding jangkaan hayat penduduk pada masa lalu. Akibatnya, mengikut WHO (1982), penduduk yang mencapai umur 65 tahun dan lebih di seluruh dunia kini mengalami peningkatan.

Walaupun peningkatan warga tua sekarang ini merupakan fenomena sejagat, tetapi pola peningkatannya berbeza di antara negara industri dengan negara membangun. Menurut satu anggaran (PBB.,1982), penduduk berumur 65 tahun dan lebih di dunia pada tahun 2000, berjumlah 402.9 juta. Daripada jumlah ini, 166.0 juta terdapat di negara maju, dan 236.9 juta di negara membangun. Dalam tahun 2025 pula, penduduk tua di dunia ialah 760.6 juta, di mana 230.3 juta daripadanya terdapat di negara maju, dan 530.4 juta di negara membangun. Dari segi peratus, dalam tahun 2025 tersebut, negara membangun akan mempunyai 72 peratus penduduk tua, sementara hanya 28 peratus di negara maju (WHO., 1982).



Dari segi peratus dalam struktur penduduknya, peratus warga tua di negara industri adalah lebih tinggi (Hooyman dan Kiyak,1988). Dengan menggunakan ukuran tujuh peratus, penduduk berumur 65 tahun dan ke atas untuk meletakkan struktur penduduk suatu negara sebagai kategori negara berpenduduk tua (PBB., 1989), maka struktur penduduk di sesetengah negara industri telah dikategorikan sebagai berpenduduk tua sejak tahun 1950 lagi, dan mencapai struktur penduduk tua sepenuhnya sejak tahun 1975, sedangkan semua negara membangun hanya mencapai umur tua keseluruhannya pada tahun 2050 (Jadual 1).

Jadual 1: Taburan Peratusan Penduduk Berumur 65 Tahun dan Lebih Di Dunia Tahun 1950-2050

Benua	1950	1975	2000*	2025*	2050*
Afrika	3.5	3.1	3.2	4.8	9.3
Amerika Latin	3.4	4.0	4.7	6.9	12.2
Amerika Utara	8.1	10.3	12.1	17.0	17.5
Asia Timur	4.7	5.5	7.8	13.4	17.1
Asia Selatan	3.4	3.0	3.7	6.2	12.2
Eropah	8.7	12.3	14.3	17.1	17.7
Australia/ New Zealand	7.5	7.6	8.9	12.5	15.4
Rusia	6.1	8.9	12.0	14.3	16.4

\* Pelunjuran

Sumber: Hooyman dan Kiyak (1988). Disesuaikan oleh Penulis.

Di samping pertambahan dalam jangkaan hidup, terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada penuaan penduduk dalam suatu masyarakat, iaitu penurunan kadar kesuburan dan juga penurunan kadar kematian (Chan, 1992). Menurunnya kadar kesuburan dan meningkatnya jangkaan hayat menyebabkan terjadinya penambahan secara berterusan penduduk tua dalam masyarakat itu.